

27.2.2024

Siaran Media

IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBA HOLDINGS BHD AND PBAPP.

PEMBENIHAN AWAN OLEH NADMA DAN TUDM DI PULAU PINANG DIJADUALKAN HARI INI DAN ESOK

- **Operasi pembenihan awan tertakluk kepada “keadaan atmosfera dan awan”**
- **Sasaran: Kawasan tadahan air untuk Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang.**

PULAU PINANG, SELASA, 27.2.2024: Operasi pembenihan awan dijadual dijalankan di Pulau Pinang hari ini dan esok (27.2.2024 dan 28.2.2024). Matlamatnya adalah untuk mendorong hujan sebanyak mungkin di kawasan tadahan air (KTA) Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang.

Operasi ini diarahkan dan diselaraskan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA di Jabatan Perdana Menteri) dan akan dikendalikan oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Menurut pemberitahuan rasmi daripada Badan Kawal Selia Bekalan Air Pulau Pinang (BKSA), penjadualan dan pelaksanaan operasi pembenihan awan adalah tertakluk kepada "keadaan atmosfera dan awan."

Dalam tempoh 1.2.2024 hingga 27.2.2024, PBAPP hanya merekodkan 45mm hujan di Empangan Air Itam KTA dan 71.5mm hujan di Empangan Teluk Bahang KTA.

Jadual berikut menunjukkan status empangan sejak awal tahun:

Jadual A: KAPASITI EFEKTIF EMPANGAN DI PULAU PINANG			
	1.1.2024	27.2.2024	% difference
*EMPANGAN AIR ITAM	68.9%	37.0%	- 31.9%
EMPANGAN TELUK BAHANG	95.4%	79.6%	- 15.8%

Tahun lepas, operasi pembenihan awan dijalankan berturut-turut pada Mei dan Jun menyumbang kepada sejumlah 30.5mm hujan di kawasan tadahan air Empangan Air Itam. Hujan ini membantu memastikan tiada krisis air di Air Itam pada tahun 2023.

Tahun ini, kami mengucapkan terima kasih kepada NADMA, TUDM, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas maklum balas pantas mereka terhadap permintaan pembenihan awan yang dibuat awal bulan ini.

Kapasiti efektif Empangan Air Itam adalah rendah. Kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang semakin berkurangan. Oleh itu, sebarang jumlah hujan akan berguna kerana kami berusaha untuk mempertahankan rizab air mentah empangan ini sehingga musim hujan akan datang.

*** AIDAP 2024: Meningkatkan kapasiti efektif Empangan Air Itam**

Sementara itu, PBAPP melaksanakan "Pelan Tindakan Empangan Air Itam 2024" (AIDAP 2024) secara beransur-ansur untuk meningkatkan kapasiti efektif Empangan Air Itam, seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual B: KAPASITI EFEKTIF EMPANGAN AIR ITAM (FEB 2024)	
Tarikh	KAPASITI EFEKTIF
5.2.2024 (sebelum Tahun Baru Cina 2024)	32.8%
17.2.2024 (semasa Tahun Baru Cina 2024)	32.4%
27.2.2024 (selepas Tahun Baru Cina 2024)	37.0%

Ringkasnya, AIDAP 2024 telah "meningkatkan" kapasiti efektif Empangan Air Itam sebanyak 4.2% sepanjang 22 hari yang lalu, semasa musim Tahun Baru Cina yang panas dan kering apabila permintaan air tinggi.

AIDAP 2024 adalah berdasarkan 4 langkah kontingensi kejuruteraan bekalan air utama berikut:

1. Meminimumkan pengeluaran air mentah dari Empangan Air Itam ke Loji Rawatan Air (LRA) Air Itam sebanyak 75% setiap hari, daripada 44 juta liter sehari (JLH) kepada 11 JLH.
2. Mengoptimumkan pengambilan air mentah daripada Muka Sauk Utama dan Tat (2 sumber utama air mentah untuk LRA Air Itam) pada kadar 6 JLH.
3. Mengurangkan pengeluaran air terawatt di LRA Air Itam sebanyak kira-kira 66% daripada 50 JLH kepada 17 JLH sehari.
4. Mengepam 33 JLH air terawatt dari LRA Sungai Dua (Seberang Perai) ke kawasan perkhidmatan LRA Air Itam. Langkah ini menggantikan kekurangan 33 JLH dalam pengeluaran air terawat dari LRA Air Itam.

Hari ini, paras sungai Sungai Muda ialah 2.23m. PBAPP sedang mengabstrak air mentah dari sungai ini untuk menyokong pengeluaran air optimum di LRA Sungai Dua. Sementara itu, kapasiti Empangan Muda dan Empangan Beris yang melepaskan air ke Sungai Muda dilaporkan masing-masing 63.2% dan 100%.

Harap maklum bahawa kemampuan dan kejayaan AIDAP 2024 juga bergantung kepada aliran masuk air yang mencukupi daripada 5 pengambilan air mentah berikut di Pulau Pinang:

- Empangan Air Itam : Balik Pulau, Side Stream dan Sungai Pinang intake .
- LRA Air Itam : Muka Sauk Utama dan Tat.

Oleh itu, PBAPP berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana memulakan operasi pembenihan awan yang sangat diperlukan.

Sekian. Terima kasih

Issued by : Farid Bin Othman
Corporate Communications Unit
Email : farid@pba.com.my